

BANK ISLAM LANTIK DATO' WAN MOHD FADZMI SEBAGAI PENGGERUSI

KUALA LUMPUR, Rabu, 26 Ogos 2026: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mengumumkan pelantikan Dato' Wan Mohd Fadzmi Che Wan Othman Fadzilah sebagai Pengerusi dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang baharu, berkuat kuasa 27 Ogos 2026.

Dato' Wan Mohd Fadzmi menggantikan Tan Sri Dr Ismail Haji Bakar, yang menamatkan khidmatnya sebagai Pengerusi pada 22 Ogos 2026 selepas enam tahun menganggotai Lembaga Pengarah Bank Islam.

Sebagai seorang ahli perbankan yang berpengalaman luas dan disegani, Dato' Wan Mohd Fadzmi membawa kepakaran mendalam dalam kepimpinan, tadbir urus dan perbankan antarabangsa, sepanjang kerjaya cemerlang beliau dalam industri perkhidmatan kewangan. Pengalaman beliau merangkumi operasi perbankan domestik dan antarabangsa, di samping pengalaman luas sebagai ahli lembaga pengarah dan eksekutif kanan di Malaysia serta beberapa pusat kewangan utama dunia.

Dato' Wan Mohd Fadzmi pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad, Pengarah Eksekutif, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Pertanian Malaysia Berhad serta Pengarah Kumpulan Perniagaan Strategik Perbankan Kewangan Global di RHB Bank Berhad. Beliau juga pernah menyandang beberapa jawatan kepimpinan kanan di Malayan Banking Berhad, termasuk sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Negara bagi operasi bank tersebut di London, New York dan Hong Kong.

Pengalaman korporat dan kawal selia beliau turut merangkumi peranan sebagai Pengerusi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) serta pengarah di beberapa organisasi terkemuka, termasuk IIUM Holdings Berhad, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Malaysian Bulk Carriers Berhad dan Chemical Company of Malaysia Berhad.

Pada masa ini, beliau memegang pelbagai jawatan dalam lembaga pengarah dan badan penasihat yang merangkumi sektor perbankan, takaful, pelaburan dan korporat. Antaranya, di Zurich Takaful Malaysia Berhad, Zurich General Takaful Malaysia Berhad, Hap Seng Consolidated Berhad, Malaysian Rating Corporation Berhad, Sedania As Salam Capital Sdn Bhd dan VS International Group Ltd. Beliau juga merupakan ahli Panel Pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Mengalu-alukan pelantikan tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Raja Teh Maimunah, berkata, “Bagi pihak Lembaga Pengarah dan seluruh warga Bank Islam, saya mengalu-alukan Dato’ Wan Mohd Fadzmi sebagai Pengerusi baharu kami. Kepakaran beliau dalam bidang perbankan, pengalaman antarabangsa serta rekod kepimpinan yang kukuh akan menjadi aset penting dalam membantu Kumpulan melangkah ke fasa transformasi seterusnya.”

“Pelantikan Dato’ Wan Mohd Fadzmi hadir pada waktu yang penting ketika Bank Islam sedang memperkemaskan hala tuju strategiknya dan membina organisasi yang lebih ringkas, tangkas dan bersedia menghadapi masa hadapan. Keutamaan kami jelas, iaitu meringkaskan cara bekerja, mengautomasikan proses secara pintar dan mempercepat pendigitalan di seluruh Kumpulan. Usaha ini akan membolehkan kami terus mengutamakan pelanggan dalam setiap aspek operasi, meningkatkan kecekapan serta memanfaatkan teknologi untuk terus memacu inovasi dalam industri perbankan Islam.”

Beliau menambah, “Bank Islam berharap dapat memanfaatkan kepimpinan dan pandangan strategik Dato’ Wan Mohd Fadzmi dalam usaha memperkukuh kedudukan Bank Islam sebagai institusi kewangan Islam yang progresif, di samping terus memberikan nilai mampan kepada pelanggan, pemegang saham dan pihak berkepentingan lain.”

Dato’ Wan Mohd Fadzmi merupakan Felo Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM) dan Felo Jurubank Bertauliah Asian Institute of Chartered Bankers. Beliau telah menamatkan Program Pengurusan Lanjutan di Wharton School, University of Pennsylvania, Amerika Syarikat, serta Program Kewangan Eksekutif Kanan di University of Oxford, United Kingdom. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Pembinaan dari RMIT University di Melbourne, Australia.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited dalam memastikan kemakmuran lestari dan mengikut nilai-nilai ESG. Ia merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak syarikat Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities, menawarkan perkhidmatan pelaburan dan pembrokeran saham.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com atau emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my.